

06 DEC 2000

Muhyiddin-Harga

PENIAGA DIINGATKAN LETAK TANDA HAGRA

KUALA LUMPUR, 6 Dis (Bernama) -- Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata beliau bimbang dengan sikap peniaga yang masih ingkar mematuhi peraturan dan undang-undang perniagaan terutama dalam meletak tanda harga bagi barangan yang dijual.

Beliau berkata kementerian kini mendapati wujudnya trend peniaga yang "lupa" meletakkan tanda harga pada barangan yang dijual sehingga boleh menyebabkan pengguna terkeliru dan mudah terpedaya.

Katanya, Bahagian Penguatkuasaan kementerian telah mengesan purata 2,000 kes setahun sejak ia dikuatkuasakan sejak 1977, tetapi jumlah itu telah meningkat tahun ini.

"Pada tahun ini sahaja iaitu sehingga November lepas, kita lihat rekod kes tertinggi iaitu sebanyak 4,749 kes. Mungkin kerana faktor penguatkuasaan ditingkatkan iaitu penguatkuasaan dan pemantauan menyeluruh," katanya ketika ditemui di pejabatnya di sini hari ini.

Muhyiddin berkata penguatkuasaan dan pemantauan akan terus dipertingkatkan lagi bagi memastikan tiada peniaga yang tidak meletakkan tanda harga pada barangan mereka.

"Kita bimbang kemungkinan tahun depan (bilangan kes) akan meningkat ataupun kemungkinan tahun ini jumlah kes akan mencecah 5,000," katanya.

Muhyiddin berkata peniaga yang ingkar meletakkan tanda harga boleh dikenakan kompaun sehingga RM7,500 bagi kesalahan berkenaan tetapi sehingga kini tiada lagi peniaga yang dikenakan kompaun maksimum itu.

Katanya, trend yang tidak sihat itu wujud berkemungkinan kerana peniaga yang baru pulih dari kegawatan ekonomi "terlupa" akan undang-undang sehingga boleh memperdayakan pengguna.

Beliau berkata undang-undang yang dikenakan itu bertujuan memberi maklumat yang tepat kepada pengguna mengenai harga yang diniaga.

Ketika ditanya mengenai kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa bekalan barangan mencukupi bagi musim perayaan, Muhyiddin berkata setakat ini kementerian tidak menerima sebarang maklumat daripada pembekal yang mereka menghadapi masalah.

Mengenai penetapan harga siling bagi barangan perlu mengikut daerah yang akan diumumkan tidak lama lagi, beliau berkata kerajaan akanewartakan hukuman bagi peniaga yang tidak mematuhi peraturan itu dan hukumannya juga merupakan kompaun RM7,500.

Beliau berkata bagi pembekal yang enggan membekalkan barangan yang ditetapkan harga kerana bimbang tidak menguntungkan, mereka boleh dikenakan tindakan mengikut Akta Kawalan Bekalan.

"Kalau ada kes menyorok barang untuk mengelak menjual kerana harga yang ditetapkan oleh kerajaan, itu juga salah. Mereka juga boleh dikompaun RM7,500, kalau kes yang berat boleh dibawa ke mahkamah dan dikenakan denda sehingga RM15,000 dan penjara dua tahun," katanya.

-- BERNAMA

NHD RV ZB